

Peralihan Bahasa Pribumi dalam Kalangan Pelajar di Sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG), di Daerah Kota Kinabalu Berdasarkan EGIDS

Indigenous Language Shift among Students at an Institute of Teacher Education (IPG) in Kota Kinabalu District Based on EGIDS

Dzulkifli Mohd Aspah^{1*}, Muhammad Hazim Kasrin², Mohd Khaidir Abdul Wahab³

^{1,3} Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

² IPGM, Kampus Gaya, 88805 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author email: dzulkifli@student.usm.my

SEJARAH ARTIKEL

Received: 18 August 2025

Revised: 14 November 2025

Accepted: 15 December 2025

Publisher: 20 January 2026

KATA KUNCI

Peralihan bahasa

EGIDS

Kepupusan bahasa

IPGM

ABSTRAK - Kajian ini meneliti fenomena peralihan bahasa dalam kalangan pelajar pribumi di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) dengan menggunakan teori peralihan bahasa oleh Fishman (1991) dan diukur dengan menggunakan kerangka EGIDS (Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale). Kajian ini, Berdasarkan reka bentuk kaedah campuran dengan pendekatan urutan penerokaan (sequential exploratory), reka bentuk urutan penerokaan dimulakan dengan kajian kualitatif menggunakan pemerhatian turut serta dan rakaman tidak sedar terlebih dahulu dan diikuti oleh kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk mengukuhkan dapatan kajian. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti pola penggunaan bahasa serta tahap ancaman kepupusan bahasa melalui instrumen pemerhatian, rakaman tidak sedar, dan soal selidik. Dapatan menunjukkan bahawa bahasa etnik semakin kurang digunakan oleh generasi muda dan hanya bertahan dalam domain adat dan kekeluargaan. Kajian ini mencadangkan intervensi linguistik melalui pendidikan dan dokumentasi bagi mengelakkan bahasa tersebut daripada pupus.

ABSTRACT - This study examines the phenomenon of language shift among indigenous students at a Malaysian Institute of Teacher Education (IPG) by applying Fishman's (1991) theory of language shift and measuring it using the EGIDS (Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale) framework. The study adopts a mixed-methods research design with a sequential exploratory approach. The exploratory sequence begins with a qualitative phase involving participant observation and covert audio recordings, followed by a quantitative phase using questionnaires to strengthen and validate the research findings. In this study, the researcher identified patterns of language use and levels of language endangerment through observation instruments, covert recordings, and questionnaires. The findings indicate that ethnic languages are increasingly less used by the younger generation and are maintained only within traditional and family domains. This study proposes linguistic interventions through education and documentation to prevent these languages from becoming extinct.

KEYWORDS: Language shift, EGIDS, Language extinction, IPGM

PENGENALAN

Bahasa adalah elemen asas yang membentuk identiti, budaya dan kesinambungan sesebuah komuniti. Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi turut berfungsi sebagai wadah pemindahan nilai, norma, dan sejarah lisan daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Dalam konteks negeri Sabah yang terkenal dengan kepelbagaian etnik, bahasa memainkan peranan penting dalam mengekalkan keunikan etnik dan warisan budaya. Dalam persekitaran pelbagai etnik seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Gaya di Sabah, tekanan peralihan bahasa semakin ketara. Globalisasi, urbanisasi dan migrasi dalaman menghimpit pelajar pribumi untuk menyesuaikan diri dengan bahasa kebangsaan dan bahasa antarabangsa demi peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik. Secara tidak langsung, penekanan terhadap bahasa kebangsaan dalam sistem pendidikan turut mengehadkan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda. Justeru kajian ini memberi fokus kepada peralihan bahasa dalam kalangan pelajar pribumi di sebuah IPG di daerah Kota Kinabalu, Sabah bagi merancang strategi pendidikan dan dokumentasi yang menyeluruh untuk memelihara warisan linguistik masyarakat pribumi Sabah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pelajar di IPG daerah Kota Kinabalu terdiri daripada pelbagai etnik (Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya, 2024). Pelajar yang terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik termasuk Dusun, Bajau, dan Murut. Peralihan bahasa semakin ketara, khususnya dalam kalangan pelajar generasi muda, kerana bahasa ibunda kurang digunakan dalam komunikasi harian (Hussin, 2016). Fenomena ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor seperti dasar pendidikan nasional yang memusatkan bahasa Melayu, urbanisasi yang mempertemukan pelbagai etnik dalam ruang sosial yang lebih luas serta pengaruh media massa dan teknologi yang hampir sepenuhnya beroperasi dalam bahasa kebangsaan (Najiha & Norsimah, 2018).

Terdapat beberapa kajian yang melibatkan pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan pelajar di negeri Sabah, antaranya ialah Dani et al. (2019) yang telah membuat kajian tentang *Endangered Intergenerational Language Transmission: Evidence from the Indigenous Dusun Society of Sabah, Malaysia*. Kajian ini, menggunakan pendekatan kuantitatif dengan soal selidik dan sampel kajian dipilih secara rawak mudah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pemindahan bahasa antara generasi berada pada tahap *severe endangered* yang menunjukkan bahawa bahasa lebih banyak digunakan oleh datuk nenek berbanding golongan muda.

Selain itu, Renddan (2023) telah membuat kajian yang bertajuk *Media of language shift in Bajau Sama, Kota Belud yang menggunakan kaedah* Kajian lintas-kumpulan (cross-sectional) menggunakan soal selidik dan analisis peringkat umur. Kajian ini, juga menggunakan temu bual untuk mendapatkan maklumat berkaitan konteks bahasa Bajau sama. Dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa Peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat Bajau Sama berlaku dengan meluas dalam kalangan generasi muda. Hal ini, disebabkan oleh penggunaan bahasa Melayu meluas ke domain rumah dan sekolah. Justeru pengkaji telah mencadangkan untuk pembinaan korpus dan inisiatif pemuliharaan bahasa komuniti Bajau sama.

Justeru, kajian-kajian lepas, menunjukkan bahawa pola peralihan bahasa pribumi memang berlaku khususnya dalam kalangan generasi muda di negeri Sabah yang semakin cenderung menggunakan bahasa Melayu standard dalam domain pendidikan dan komunikasi luar rumah.

PROSES PERALIHAN BAHASA

Menurut Selvajothi (2017) peralihan dan pengekalan bahasa (PaPkb) mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam konteks kajian ini, Kerangka EGIDS oleh Lewis & Simons (2010) dan teori Fishman (1991) menjadi asas kepada kajian ini. Beberapa kajian lepas menunjukkan trend peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda seperti di Institusi pengajian tinggi. Antaranya ialah kajian oleh Yusuf & Rahim (2015) dalam kajian mereka tentang pengaruh media sosial mendapati bahawa penggunaan platform seperti Facebook dan YouTube dalam bahasa Thai mempercepatkan peralihan bahasa dalam kalangan belia Melayu di Pattani.

Selain itu, Phiranawong et al. (2025) menjalankan satu kajian penting tentang Peralihan bahasa Hakka di Thailand dengan menggunakan model *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS) untuk menilai tahap kestabilan dan ancaman terhadap bahasa tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif secara gabungan melalui soal selidik yang melibatkan 3,442 responden daripada 38 komuniti Hakka serta temu bual separa berstruktur dengan 190 peserta. Dapatan menunjukkan kebanyakan komuniti Hakka berada pada tahap EGIDS 7 (*Shifting*) hingga 8b (*Nearly Extinct*), mencerminkan peralihan bahasa yang ketara ke arah penggunaan bahasa Thai, terutama dalam *domain* pendidikan, pekerjaan dan media.

Akhir sekali, Mokim (2022) telah melaksanakan kajian tentang penggunaan bahasa Bajau dalam kalangan belia di Universiti Malaysia Sabah. Kajian ini, menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual mendalam terhadap sepuluh orang belia Bajau UMS, dan juga kaedah pemerhatian ikut serta dan kaedah leksikostatik untuk melakarkan landskap bahasa mereka dan mendapati terdapat peralihan bahasa yang ketara dalam kalangan pelajar pribumi di universiti.

EXPANDED GRADED INTERGENERATIONAL DISRUPTIONS (EGIDS)

Kajian ini, menggunakan teori peralihan bahasa oleh Fishman (1991) dan mengukur tahap peralihan bahasa pribumi menggunakan kerangka EGIDS yang adaptasi daripada kerangka *Graded Intergenerational Disruption Scale* (GIDS) yang diperkenalkan juga oleh Joshua Fishman pada tahun 1991. GIDS mengandungi lapan peringkat untuk mengukur sejauh mana gangguan dalam proses pewarisan bahasa antara generasi. Menyedari keperluan suatu kerangka lebih komprehensif yang dapat diguna pakai bagi semua bahasa sama ada besar atau kecil, rasmi atau tidak maka Lewis dan Simons kemudiannya mengembangkan skala ini kepada 13 peringkat yang akhirnya dikenali sebagai EGIDS. Versi baharu ini kini diterima secara meluas, khususnya dalam pangkalan data bahasa Ethnologue (Lewis & Simons, 2010).

EGIDS mempunyai 13 tahap, daripada tahap 0 (antarabangsa) hingga tahap 10 (pupus). Tahap 0-2 menggambarkan bahasa yang digunakan pada peringkat antarabangsa, kebangsaan dan serantau. Manakala tahap 3-5 merujuk kepada bahasa yang digunakan untuk komunikasi lebih luas, diajarkan melalui pendidikan dan sedang berkembang. Tahap 6a pula menunjukkan bahasa yang masih digunakan merentas generasi tetapi tahap 6b menandakan bahasa yang semakin terancam. Tahap 7-10 menggambarkan peralihan bahasa telah berlaku, tahap 7 (tidak diajar kepada kanak-kanak), tahap 8 (moribund/hampir pupus), tahap 9 (tidak aktif) dan tahap 10 (pupus sepenuhnya). Justeru EGIDS, digunakan dalam kajian ini, bagi membantu mengenal pasti tahap bahasa Pribumi dalam persekitaran IPG, di daerah Kota Kinabalu terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar pribumi itu sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran urutan penerokaan dengan melibatkan dua fasa iaitu fasa 1 (Kualitatif), pengkaji menjalankan pemerhatian turut serta dan rakaman tidak sedar dan seterusnya fasa 2 (Kuantitatif) dalam proses ini pengkaji telah menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 60 responden mewakili pelbagai suku kaum di Sabah. Persampelan melibatkan tiga ambilan pelajar iaitu ambilan 2021/2026, 2022/2027 dan 2023/2028.

Jadual 1. Matrik Pengumpulan Data

Kategori	Teknik Pengumpulan Data		
	Pemerhatian turut serta	Temubual	Soal Selidik
Pola penggunaan bahasa	✓	✓	✓
Tahap ancaman EGIDS	✓	✓	✓


Terdapat tiga instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu pemerhatian turut serta, temubual dan soal selidik. Justeru gabungan pemerhatian, rakaman tidak sedar dan soal selidik dalam kajian ini membolehkan pola penggunaan bahasa, faktor peralihan dan tahap ancaman dikenal pasti dengan berkesan.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2. Pola Penggunaan Bahasa Pribumi

Ambilan	Tahap Penggunaan	Domain Utama
2021/2026	Sederhana	Rumah
2022/2027	Rendah	Rumah
2023/2028	Rendah	Rumah

Rajah 1. Tahap Penggunaan Bahasa Pribumi Mengikut Ambilan



Data jadual menunjukkan bahawa semua kohort pelajar di IPG daerah Kota Kinabalu hanya menggunakan bahasa ibunda mereka dalam domain terhad rumah sahaja, dan tahap penggunaannya menurun daripada sederhana bagi ambilan 2021/2026 kepada rendah bagi ambilan 2022/2027 dan 2023/2028. Penggunaan terhad ini, menandakan bahasa etnik tidak lagi dipakai secara meluas dalam domain awam atau akademik. Menurut kerangka EGIDS, bahasa yang masih digunakan merentas generasi tetapi semakin berkurangnya penuturnya diletakkan pada tahap 6b terancam. Trend menurun dari sederhana kepada rendah merentas setiap ambilan menunjukkan bahasa ini bergerak ke arah tahap 7, iaitu fasa peralihan yang menunjukkan bahawa generasi baharu tidak lagi mewarisi bahasa tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan jadual pola penggunaan bahasa, kita dapat membuat beberapa rumusan. Pertama, penggunaan bahasa etnik dalam kalangan pelajar IPGM Kampus Gaya adalah terhad kepada domain rumah sahaja tanpa perluasan ke domain lain yang lebih rasmi. Kedua, tahap penggunaan menunjukkan arah aliran menurun. Menurut penjelasan EGIDS, situasi ini mencerminkan tahap 6b–7, di mana bahasa masih digunakan tetapi semakin kehilangan penutur dan tidak lagi diperturunkan kepada generasi muda. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa etnik dalam kalangan pelajar di IPG daerah Kota Kinabalu sedang mengalami peralihan yang kritikal dan intervensi terancang diperlukan untuk mengekalkan penggunaannya merentas generasi.

STATEMENT ON THE USE OF GENERATIVE ARTIFICIAL INTELLIGENCE

Semasa penyediaan karya ini, penulis telah menggunakan **ChatGPT** untuk meningkatkan kejelasan penulisan. Selepas menggunakan **ChatGPT**, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan mengikut keperluan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

RUJUKAN

- Dani, N. A., Kiram, N. M., Mohd. Ariffin, M. A., Ombi, K., Suhailin, R., Sha'ri, S. N., & Paul, D. (2019). *Endangered intergenerational language transmission: Evidence from the indigenous Dusun society of Sabah, Malaysia*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(1), 1–12.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theory and Practice of Assistance to Threatened Languages*. Multilingual Matters.
- Hussin, R. (2016). Pengkomersialan Budaya Orang Sungai Melalui Ekopelancongan: Faktor Kejayaan Dan Limitasi. *Jurnal Kinabalu*, 18, 19-31.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya. (2024). *Dokumen Perancangan Tahunan IPGM Kampus Gaya*. Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Gaya.
- Lewis, M. P., & Simons, G. F. (2010). Assessing Endangerment: Expanding Fishman's GIDS. *Revue Roumaine de Linguistique*, 55(2), 103–120.
- Mokim, M. A., Sulaiman, M. A., Zubairi, A. M., & Zain, N. M. (2022). Language vitality of Muslim Bisaya language in Beaufort, Sabah: A quantitative assessment based on UNESCO language vitality framework. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 97–105.
- Najiha, M. R., & Norsimah, M. (2018). Bahasa Etnik di Malaysia: Antara Kelestarian dan Kepupusan. *Jurnal Melayu*, 17(1), 33–45. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Phiranawong, S., Ungsitipoonporn, S., & Sandman, E. (2025). Assessing language vitality and analyzing factors behind language maintenance and language shift: the case of Hakka in Thailand. *Asian Ethnicity*, 1–26. <https://doi.org/10.1080/14631369.2025.2494115>
- Renddan, B. (2023). *Media of language shift in Bajau Sama, Kota Belud: Speaking, understanding, reading and writing*. *Language Studies Journal*. Universiti Malaysia Sarawak. <https://doi.org/10.33736/ils.4990.2023>
- Selvajothi@Pillai Ramalingam. (2017). Peralihan dan Pengekalan Bahasa Tamil Dalam Kalangan Masyarakat Tamil di Kuching Sarawak. [Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya].
- Yusuf, R., & Rahim, A. (2015). Pengaruh Media Sosial dalam Peralihan Bahasa di Kalangan Belia Melayu Pattani. *Journal of Media Studies*. Universiti Kebangsaan Malaysia